

## Kapur (*Dryobalanops aromatica*)

*Dryobalanops aromatica*, umumnya dikenali sebagai Kapur merupakan spesies daripada famili Dipterokarpa. Nama spesies *aromatica* adalah berasal daripada perkataan latin (*aromaticus* =seperti rempah) yang mana merujuk kepada bau damarnya (resin). Spesies ini merupakan salah satu daripada sumber utama kapur dan menarik pelabur Arab ke Borneo, pada masa tersebut dianggap lebih bernilai daripada emas, dan digunakan sebagai pewangi dan haruman. Ia mudah dijumpai di Sumatra, Semenanjung Malaysia dan Borneo. Ia merupakan pokok yang tinggi, boleh mencapai 65 m hingga 75 m ketinggian, dan tumbuh di kawasan hutan pamah dipterokarpa yang mempunyai kelembapan tanah berpasir yang dalam. Merupakan spesies kayu keras dengan nama pasaran dikenali sebagai Kapur.

